NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

| | | |
|---|---|---|
| Jid 45<br>Bil. 2 | **18 Januari 2001** | *TAMBAHAN NO. 1*<br>*PERUNDANGAN* |


**Pg. P.U. 1.**

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

### UNDANG-UNDANG KECIL (IKLAN) MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI 2001

---

### SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

---

**Undang-undang Kecil**

1. Nama dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Bahasa iklan.
4. Penggunaan Bahasa Malaysia yang betul.
5. Pelesenan iklan.
6. Iklan yang dipamerkan tanpa lesen.
7. Permohonan bagi mendapatkan lesen.
8. Pengeluaran lesen.
9. Pembaharuan lesen.
10. Bayaran lesen.
11. Pembatalan lesen.
12. Pembayaran balik deposit.

Undang-undang Kecil

13. Ketinggian dan perlunjuran iklan, dsb.
14. Keselamatan struktur iklan.
15. Penyenggaraan iklan.
16. Menurunkan iklan.
17. Penalti am.
18. Pengecualian daripada lesen.
19. Pemohon-pemohon lesen bertanggungjawab atas kegagalannya.
20. Kerosakan.
21. Pengecualian.
22. Kecualian.
23. Pemansuhan.
JADUAL.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL (IKLAN)

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI 2001

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh perenggan 102(c) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Seberang Perai membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-undang Kecil yang berikut: *Akta 171.*

1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil (Iklan) Majlis Perbandaran Seberang Perai 2001** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*. **Nama dan mula berkuatkuasa.**

2. (1) Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— **Tafsiran.**

"arkitek berdaftar" ertinya seseorang yang didaftarkan sebagai sedemikian di bawah Akta Arkitek 1967; *Akta 117.*

"fi lesen" ertinya bayaran lesen yang kena dibayar di bawah Undang-Undang Kecil 10;

"iklan" ertinya apa-apa pemberitahuan, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan bagi maksud memberitahu orang ramai mengenai apa-apa barang, keluaran, pengeluaran, tred, perniagaan, profesion, firma, perbadanan, organisasi, institusi, tempat, premis, peristiwa, aktiviti atau apa-apa perkara atau maklumat lain, di atas apa-apa papan dendeng, menara setiang, papan, bumbung, dinding, pagar berpancang, pagar, pokok, rangka, plat, kain, bar, tiang, tonggak, dawai, salutan atau mana-mana struktur atau perekaan lain, atau mana-mana bahagiannya, di atas, atau di dalam mana-mana bangunan, jalan atau tempat peranginan awam, atau di atas mana-mana tanah dan termasuklah tanda langit, poster, tanda arahan dan papan nama tetapi tidaklah termasuk suatu iklan pilihanraya;

"iklan pilihanraya" mempunyai makna yang sama seperti dalam Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Iklan Pilihanraya) (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1990; *Pg. P.U. 7/90.*

"jurutera awam berdaftar" atau "jurutera struktur berdaftar" ertinya orang yang didaftarkan sebagai sedemikian di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967; *Akta 138.*

"lesen" ertinya lesen untuk mempamerkan iklan yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil 8;

"Majlis" ertinya Majlis Perbandaran Seberang Perai;

"Mahkamah" ertinya Mahkamah Majistret;

"menara setiang" ertinya sekeping papan atau, dua atau lebih papan dicantumkan pada sudutnya yang didirikan di atas tanah dengan ditopang oleh satu tiang dan digunakan bagi mempamerkan iklan;

"papan nama" ertinya mana-mana papan, atau permukaan luar dinding sesuatu bangunan atau mana-mana tanda yang melekat kepada sesuatu bangunan berhubung sepenuhnya dengan perniagaan yang dijalankan atau barang-barang yang dijual atau perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan, bersama-sama dengan nama dan kelayakan orang yang menjalankan perniagaan, atau menjual barang-barang, atau memberikan perkhidmatan tersebut;

"poster" ertinya iklan yang bukan daripada jenis iklan perdagangan yang kekal dan berukuran tidak lebih dari 60 sentimeter kali 90 sentimeter;

"tanda arahan" ertinya mempamerkan dengan apa-apa cara akan cap dagangan berdaftar atau jenis tred, perniagaan atau profesion mana-mana orang, firma, perbadanan atau pertubuhan dan dimaksudkan untuk menunjukkan jalan ke premis yang mana papan nama tidak dapat dilihat dari jalan;

"tiang poster" ertinya tiang yang disediakan oleh Majlis untuk mempamerkan poster.

(2) Dalam Undang-undang Kecil ini, sebutan mengenai orang yang mempamerkan sesuatu iklan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai orang yang, sendirinya atau melalui penjawat atau ejennya, mempamerkan atau menyebab dipamerkan iklan itu dan hendaklah disifatkan sebagai termasuk—

*(a)* pemunya atau penduduk tanah di mana iklan itu dipamerkan; dan

*(b)* mana-mana orang, firma, perbadanan atau pertubuhan yang mengenai barang-barang, tred, perniagaan, profesion, peristiwa atau urusannya yang lain publisiti diberikan oleh iklan itu.

Bahasa iklan.

3. (1) Bahasa Malaysia hendaklah digunakan bagi semua iklan sama ada ianya sahaja atau bersama dengan apa-apa bahasa lain.

(2) Jika Bahasa Malaysia digunakan bersama dengan apa-apa bahasa lain dalam sesuatu iklan, perkataan-perkataan dalam Bahasa Malaysia itu hendaklah berukuran lebih besar dan ditunjukkan dengan lebih jelas daripada segi keutamaan dan kedudukan penglihatan, daripada perkataan-perkataan dalam mana-mana bahasa lain itu.

(3) Tiada seorang pun boleh mempamerkan atau menyebab atau membenar dipamerkan mana-mana iklan yang tidak mematuhi perenggan (1) dan (2).

Akta 197.
Akta 125.
Akta 335.

(4) Walau apapun peruntukan perenggan (3), jika nama sesuatu firma, syarikat atau persatuan sebagaimana yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Syarikat 1965, atau Akta Pertubuhan 1966, terdiri daripada atau termasuk perkataan-perkataan yang bukan dalam Bahasa Malaysia, perkataan-perkataan itu tidak perlu mematuhi perenggan (1) dan (2).

(5) Jika sesuatu barangan telah didaftarkan menurut Akta Cap Dagangan 1976 di bawah suatu nama dalam Bahasa Inggeris atau bahasa lain, adalah tidak perlu untuk diterjemahkan nama barangan tersebut ke dalam Bahasa Malaysia jika Majlis mendapati ia tidak praktikal atau tidak perlu berbuat demikian. Akta 175.

(6) Perenggan (1) dan (2) tidak terpakai kepada mana-mana perniagaan yang terdiri semata-mata untuk menjalankan profesion yang di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis boleh dilaksanakan oleh mereka yang mempunyai kelayakan-kelayakan tertentu sahaja yang ditetapkan oleh undang-undang bertulis sedemikian dan nama-nama mereka didaftarkan atau sebaliknya direkod sepertimana ditetapkan oleh mana-mana undang-undang bertulis.

Penggunaan Bahasa Malaysia yang betul.

4. Jika ternyata kepada Majlis bahawa terdapat penggunaan Bahasa Malaysia yang tidak betul dalam mana-mana iklan, Majlis boleh melalui notis bertulis memerintahkan orang yang telah mempamerkan iklan itu, atau yang telah menyebabkan atau membenarkan iklan itu dipamerkan, mengubah iklan itu untuk membetulkan kesalahan itu mengikut apa-apa cara dan dalam sesuatu tempoh sebagaimana yang dinyatakan oleh Majlis dalam notis itu.

Pelesenan iklan.

5. Tertakluk kepada Undang-Undang Kecil 18, tiada seorang pun boleh mempamerkan atau menyebab dipamerkan apa-apa iklan, kecuali di bawah dan menurut suatu lesen yang dikeluarkan oleh Majlis.

Iklan yang dipamerkan tanpa lesen.

6. Jika Majlis meluluskan pengekalan apa-apa iklan yang telah dipamerkan tanpa lesen, bayaran bersamaan dengan tiga kali bayaran lesen tahunan untuk iklan sedemikian hendaklah dibayar bagi lesen itu apabila ianya diluluskan.

Permohonan bagi mendapatkan lesen.

7. (1) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan lesen untuk mempamerkan iklan hendaklah dibuat kepada Majlis dalam satu borang yang disediakan oleh Majlis dan hendaklah disertakan dengan—

*(a)* dua salinan lakaran yang menunjukkan butiran penuh iklan itu;

*(b)* jika berkenaan, pelan tapak atau pelan tempat yang menunjukkan kedudukan iklan itu;

*(c)* jika berkenaan, pelan struktur yang hendak didirikan bagi maksud mempamerkan iklan itu bersama dengan perakuan seorang arkitek berdaftar atau jurutera struktur berdaftar yang memperakukan bahawa struktur itu akan berada dalam keadaan tegap dan kukuh selama tempoh iklan itu dijangka hendak dipamerkan; dan

*(d)* surat kebenaran tuan tanah/tuan bangunan jika bukan hakmilik sendiri.

(2) Jika sesuatu iklan hendak dilekatkan kepada bangunan, Majlis boleh, selain daripada kehendak-kehendak di bawah perenggan (1), menghendaki pemohon mengemukakan suatu taksiran bertulis oleh

seseorang jurutera awam atau jurutera struktur berdaftar mengenai kekukuhan struktur bangunan itu atau bahagian bangunan yang mana iklan itu hendaklah dilekatkan.

(3) Majlis boleh menghendaki seseorang pemohon mendeposit dengannya sejumlah wang tidak lebih daripada tiga ribu ringgit.

(4) Melainkan deposit itu atau apa-apa bahagian daripadanya digunakan untuk menjelaskan perbelanjaan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil 16(3), deposit itu atau bakinya hendaklah dipulangkan kepada pemohon apabila tamat tempoh lesen itu dan selepas iklan itu diturunkan.

Pengeluaran lesen.

8. (1) Apabila menerima permohonan, Majlis boleh, apabila dijelaskan bayaran lesen dan apa-apa deposit yang dikehendaki, mengeluarkan kepada pemohon suatu lesen untuk mempamerkan iklan.

(2) Majlis boleh mengenakan pada mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah perenggan (1) apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut dikenakan.

(3) Pemegang lesen hendaklah mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan pada lesen.

(4) Sesuatu lesen hendaklah sah untuk tempoh selama tidak melebihi tiga puluh enam bulan.

(5) Majlis boleh enggan mengeluarkan sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab baginya.

Pembaharuan lesen.

9. (1) Sesuatu lesen boleh dari semasa ke semasa diperbaharui atas penjelasan bayaran lesen, dan semasa pembaharuan tersebut, Majlis boleh mengenakan apa-apa syarat atau sekatan yang Majlis fikirkan perlu.

(2) Sesuatu permohonan bagi memperbaharui lesen hendaklah dikemukakan sebelum tarikh tamatnya lesen itu dan hendaklah disertakan dengan bayaran lesen.

(3) Majlis boleh enggan memperbaharui sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab baginya.

Bayaran lesen.

10. Bayaran lesen untuk mempamerkan sebarang iklan hendaklah sepertimana yang ditetapkan oleh Majlis dalam Jadual.

Pembatalan lesen.

11. (1) Majlis boleh membatalkan sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab bagi pembatalan itu dengan syarat bahawa sebelum membatalkan lesen itu, Majlis hendaklah memberi satu bulan notis secara bertulis akan cadangannya hendak berbuat demikian kepada pemegang lesen itu.

(2) Jika sesuatu lesen dibatalkan orang yang mempamerkan iklan itu hendaklah menurunkan iklan yang baginya lesen telah dibatalkan dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pembatalan.

(3) Pampasan tidak boleh dibayar kepada mana-mana orang atas pembatalan sesuatu lesen.

12. Tertakluk kepada Undang-Undang Kecil 16(3) deposit di bawah Undang-Undang Kecil 7(3) hendaklah dibayar balik kepada orang yang mempamerkan iklan itu selepas habis tempoh atau pembatalan lesennya dan iklan itu diturunkan. Pembayaran balik deposit.

13. (1) Sesuatu iklan itu idak boleh, setakat tinggi 4.26 meter yang diukur tegak dari lorong jalan, mengunjur mendatar melebihi satu meter dari garisan sempadan jalan. Ketinggian dan perlunjuran iklan, dsb.

(2) Sesuatu iklan yang melebihi 4.26 meter tinggi, sesuatu iklan tidak boleh mengunjur mendatar melebihi dua meter daripada garisan sempadan jalan.

(3) Sesuatu iklan itu tidak boleh keseluruhannya melindung atau menghalang mana-mana tingkap atau ekzos asap yang terletak di dinding luar sesuatu bangunan.

(4) Tiada iklan yang boleh dipamerkan di bawah ketinggian 3.66 meter yang diukur tegak dari paras jalan dan tiada iklan yang boleh mengunjur lebih daripada 0.76 meter dari dinding yang mana iklan sedemikian akan dilekatkan.

(5) Walau apapun peruntukan perenggan (1) dan (2), Majlis boleh mengenakan apa-apa syarat atau sekatan yang Majlis fikirkan perlu.

14. (1) Apa-apa struktur, bersama dengan apa-apa lekapan pada sesuatu bangunan atau sebahagian daripada sesuatu bangunan atau di atas tanah, yang didirikan bagi maksud menunjukkan sesuatu iklan hendaklah diperakui sebagai kukuh daripada segi struktur oleh seseorang jurutera awam atau jurutera struktur berdaftar selama tempoh lesen itu dan jika dikehendaki oleh Majlis, perakuan itu hendaklah termasuk kestabilan struktur menara setiang, bangunan atau sebahagian bangunan yang menyokong iklan itu. Keselamatan struktur iklan.

(2) Apa-apa pelan yang dikemukakan di bawah Undang-undang Kecil ini hendaklah mematuhi keperluan mana-mana Undang-undang Kecil bangunan yang sedang berkuatkuasa.

(3) Majlis boleh dalam sesuatu kes tertentu mengecualikan pemohon daripada kehendak perenggan (1).

15. (1) Majlis boleh melalui notis bertulis memerintahkan orang yang mempamerkan mana-mana iklan untuk mengecat semula, mengganti atau membersihkan iklan itu dalam sesuatu tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu. Penyenggaraan iklan.

(2) Jika warna-warna iklan berlampu berkemungkinan menyebabkan kekeliruan atau kegusaran kepada orang awam apabila iklan itu bercahaya, Majlis boleh melalui notis bertulis memerintahkan orang yang mempamerkan iklan itu dengan kos dan perbelanjaannya sendiri, menukarkan warna iklan dalam sesuatu tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

16. (1) Majlis boleh memerintahkan supaya mana-mana iklan, yang dipamerkan tanpa lesen atau yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini atau jika pameran iklan itu ialah untuk kemajuan Menurunkan iklan.

tred, perniagaan atau perusahaan yang haram termasuk mana-mana struktur yang didirikan khas untuk iklan itu diturun atau dipadamkan dengan serta merta.

(2) Perintah itu akan menghendaki orang yang kepadanya perintah itu ditujukan, melaksanakan kerja-kerja tersebut dalam sesuatu tempoh yang akan dinyatakan dalam perintah sedemikian.

(3) Jika orang itu gagal mematuhi perintah itu, Majlis melalui penjawat, pegawai dan ejennya boleh memasuki premis tersebut dan menyebabkan iklan itu diturunkan dan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Majlis bagi tujuan itu hendaklah didapatkan semula daripada orang yang ingkar itu dengan memotong perbelanjaan sedemikian daripada mana-mana wang yang kena dibayar kepada orang itu di bawah Undang-Undang Kecil 12, atau jika deposit tidak dibayar kepada Majlis, mengikut sebarang undang-undang berkaitan dengan urusan mendapat kembali kos.

(4) Majlis boleh, bagi tujuan membaiki, mengecat semula atau membersihkan mana-mana tempat atau struktur, menurunkan mana-mana iklan walaupun lesen untuk iklan sedemikian masih sah dan tiada apa-apa amaun boleh dibayar balik kepada pemegang lesen mengenai lesen sedemikian.

(5) Majlis hendaklah tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk mana-mana kerosakan yang dilakukan oleh penjawat, pegawai dan ejennya semasa melaksanakan peruntukan undang-undang kecil ini.

Penalti am.

17. Mana-mana orang yang melanggar, atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini atau apa-apa notis atau perintah Majlis, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pengecualian daripada lesen.

18. (1) Tiada sesuatu lesen dikehendaki bagi—

*(a)* Iklan yang luasnya kurang daripada 2 meter persegi yang mengiklankan penjualan atau penyewaan tanah atau rumah jika iklan itu dipamerkan di atas tanah atau harta yang hendak dijual atau disewakan itu; dengan syarat bahawa perenggan ini tidak terpakai kepada iklan-iklan yang dipamerkan oleh orang-orang yang menjalankan perniagaan menjual atau menyewa tanah atau rumah;

*(b)* sesuatu papan nama kontraktor bangunan atau kejuruteraan awam yang luasnya tidak melebihi empat meter persegi jika papan nama itu didirikan di atas harta yang mana apa-apa kerja bangunan atau kejuruteraan awam sedang dijalankan; dengan syarat bahawa tidak lebih daripada satu papan nama itu boleh dipamerkan mengenai mana-mana satu projek;

*(c)* sesuatu papan nama kontraktor kecil yang luasnya tidak melebihi dua meter persegi yang didirikan berhubung dengan sesuatu projek bangunan atau kejuruteraan awam; dengan syarat bahawa hanya satu papan nama sahaja boleh dipamerkan mengenai mana-mana satu projek dan papan nama itu tidak boleh mengandungi apa-apa perkara bergambar;

(*d*) satu tanda arahan berukuran tidak melebihi 0.3 meter persegi mengandungi nama orang atau firma, perbadanan atau pertubuhan; yang didirikan di atas sesuatu tapakbina yang diluluskan oleh Majlis.;

(2) Walaupun tiada lesen dikehendaki bagi sesuatu iklan di bawah Undang-undang Kecil ini, iklan itu hendaklah dipamerkan mengikut Undang-Undang Kecil 3, 13 dan 14.

**Pemohon-pemohon lesen bertanggungjawab atas kegagalannya.**

19. (1) Tanggungan terhadap keruntuhan atau kegagalan sesuatu struktur atau lekapan yang berhubung dengan pertunjukkan iklan sama ada semasa ia dibina atau selepas ia siap, hendaklah *prima facie* terletak ke atas orang yang telah mengemukakan permohonan untuk lesen itu.

(2) Walaupun sesuatu iklan telah diluluskan oleh Majlis atau Majlis telah mengecualikan pemohon itu daripada Undang-Undang Kecil 14(1), Majlis tidaklah bertanggungan terhadap apa-apa kerosakan yang berlaku ke atas mana-mana orang oleh keruntuhan atau kegagalan struktur atau lekapan untuk iklan itu.

**Kerosakan.**

20. Majlis tidak bertanggungan terhadap apa-apa kerosakan yang disebabkan olehnya atau pekerja-pekerjanya dalam menjalankan peruntukan-peruntukan undang-undang kecil itu.

**Pengecualian.**

21. (1) Majlis boleh, dengan bersyarat atau tanpa syarat, mengecualikan mana-mana orang daripada mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini.

(2) Tiada apa-apa juga dalam undang-undang kecil ini terpakai bagi iklan bagi tujuan perjumpaan masyarakat, aktiviti politik, seminar dan aktiviti lain yang berkaitan yang difikirkan sesuai.

(3) Walau apa pun peruntukan Undang-Undang Kecil 21(2), mana-mana iklan sedemikian hendaklah diturunkan oleh orang, badan atau pertubuhan yang mempamerkan iklan sedemikian dalam tempoh tujuh hari selepas perjumpaan, aktiviti politik, seminar atau aktiviti lain yang berkaitan.

(4) Jika orang, badan atau pertubuhan sedemikian gagal menurunkan iklan itu dalam masa yang ditetapkan, Majlis melalui pekerja, pegawai dan ejennya boleh memasuki premis itu dan menyebabkan penurunan iklan sedemikian dan perbelanjaan yang dikeluarkan untuk menurunkannya hendaklah didapatkan kembali daripada orang, badan atau pertubuhan sedemikian.

**Kecualian.**

22. Walau apa pun peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil ini, kecuali Undang-Undang Kecil 5, Undang-undang Kecil ini adalah tidak terpakai kepada mana-mana iklan yang dipamerkan pada tarikh apabila undang-undang kecil ini mula berkuatkuasa sehingga tamatnya tempoh dua puluh empat bulan dari tarikh tersebut atau tempoh lain yang lebih panjang yang boleh ditentukan oleh Majlis.

Pemansuhan. Pg. P.U. 37/75. Pg. P.U. 14/81.

23. Undang-Undang Kecil Kawalan Iklan Kerajaan Tempatan, Seberang Perai, 1975 dan Jadual Kedua (D) di bawah tajuk Perniagaan dalam Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen Majlis Perbandaran Seberang Perai 1980.

(2) Mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil yang dimansuhkan hendaklah terus berkuatkuasa sehingga tamat tempohnya atau dibatalkan oleh Majlis.

## JADUAL

[Undang-Undang Kecil 8(1), 9(2) dan 10]

FI LESEN

| *Butiran* | *Jenis Iklan* | *Fi Yang Kena Dibayar* | |
|---|---|---|---|
| 1. | Iklan yang tidak berlampu: Diukur meliputi keluasan bahagian untuk mempamerkan iklan itu dan termasuk apa-apa keluasan permukaan rangka atau penyangga | (*a*) Bagi meter persegi yang pertama atau sebahagian daripadanya | RM70.00 setahun |
| | | (*b*) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan atau sebahagian daripadanya | RM7.00 setahun |
| 2. | Iklan yang berlampu: Diukur meliputi keluasan bahagian untuk mempamerkan iklan itu dan termasuk apa-apa keluasan permukaan rangka atau penyangga | (*a*) Bagi dua meter persegi yang pertama | RM50.00 setahun |
| | | (*b*) Bagi tiap-tiap satu meter tambahan atau sebahagian daripadanya | RM5.00 setahun |
| 3. | Iklan kecil: Iklan yang saiznya tidak melebihi satu meter persegi dan bertujuan untuk dipamerkan lebih daripada satu iklan dari rekabentuk yang sama ada berlampu atau tidak berlampu dan tidak termasuk iklan sementara | | RM80.00 seunit setahun |
| 4. | Sesuatu iklan yang terunjur lebih daripada lima belas sentimeter melebihi bangunan. Diukur meliputi keseluruhan keluasan iklan itu termasuk rangka, dan jika pameran adalah di kedua-dua belah muka iklan itu tiap-tiap satu permukaan itu hendaklah diukur | (*a*) Tidak berlampu: (i) Bagi dua meter persegi pertama bagi satu iklan | RM60.00 setahun |
| | | (ii) Bagi tiap-tiap meter persegi tambahan atau sebahagian daripada bagi satu iklan | RM40.00 setahun |
| | | (*b*) Berlampu: (i) Bagi dua meter persegi pertama bagi satu iklan | RM50.00 setahun |
| | | (ii) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan atau sebahagian daripadanya bagi satu iklan | RM20.00 setahun |

| *Butiran* | *Jenis Iklan* | | *Fi Yang Kena Dibayar* | |
|---|---|---|---|---|
| 5. | Tanda langit/menara setiang diukur meliputi keluasan ruang yang digunakan untuk mempamerkan tanda langit/menara setiang | *(a)* | Bagi dua meter persegi pertama bagi satu iklan | RM500.00 setahun |
| | | *(b)* | Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan atau sebahagian daripadanya bagi satu iklan | RM30.00 setahun |
| 6. | Iklan Sementara: | | | |
| | *(a)* Streamers | | | RM20.00 seunit sebulan |
| | *(b)* Sepanduk | | | RM20.00 seunit sebulan |
| | *(c)* Blimp/Belon | | | RM50.00 seunit sebulan |
| | *(d)* Billboard Sementara | | Bagi keluasan tidak melebihi 10 meter persegi | RM50.00 seunit sebulan |
| | *(e)* Lain-lain Iklan Sementara yang tidak termasuk di bawah Undang-undang Kecil ini | | | RM50.00 seunit sebulan |
| 7. | Billboard: Diukur meliputi keluasan ruang yang digunakan untuk pameran iklan komersial | *(a)* | Bagi dua meter persegi pertama bagi satu iklan | RM200.00 setahun |
| | | *(b)* | Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan atau sebahagian daripadanya bagi satu iklan | RM30.00 setahun |

Bertarikh pada 23 Oktober 2000.
[MPSP/99/1/4/24/1.]

ISMAIL BIN MAMAT,
*Yang Dipertua,*
*Majlis Perbandaran Seberang Perai*

Disahkan pada 7 Disember 2000.
[PSUK/PP/004.5.4.1; R.50/8/28/1.]

NG WEE KOK,
*Setiausaha,*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan,*
*Pulau Pinang*

# LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

## MUNICIPAL COUNCIL OF PROVINCE WELLESLEY (ADVERTISEMENT) BY-LAWS 2001

## ARRANGEMENT OF BY-LAWS

By-Laws


1. Citation and commencement.
2. Interpretation.
3. Language of advertisement.
4. Correct use of Bahasa Malaysia.
5. Licensing of advertisement.
6. Advertisement exhibited without licence.
7. Application for a licence.
8. Issuance of licence.
9. Renewal of licence.
10. Licence fee.
11. Revocation of licence.
12. Refund of deposit.
13. Heights and projections of advertisements, etc.
14. Safety of advertisement structures.
15. Maintenance of advertisements.
16. Removal of advertisements.
17. General penalty.
18. Exemption from licence.
19. Applicants for licences responsible for failure.
20. Damage.
21. Exemption.
22. Saving.
23. Repeal.

SCHEDULE.

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

THE MUNICIPAL COUNCIL OF PROVINCE WELLESLEY (ADVERTISEMENT) BY-LAWS 2001

IN exercise of the powers conferred by paragraph 102(c) of the Local Government Act 1976, The Municipal Council of Province Wellesley makes and pursuant to section 103 of the Act, the State Authority confirms the following By-Laws: *Act 171.*

1. These By-Laws may be cited as the **Municipal Council of Province Wellesley (Advertisement) By-Laws 2001** and shall come into force on the date of its publication in the *Gazette.* **Citation and commencement.**

2. (1) In these By-Laws, unless the context otherwise requires— **Interpretation.**

"advertisement" means any notification, intimation or publication exhibited for the purpose of bringing to the notice of the public any article, product, production, trade, business, profession, firm, corporation, organisation, institution, place, premise, event, activity or any other matter or information, on any hoarding, unipole tower, board, roof, wall, paling, fence, tree, frame, plate, cloth, bar, pillar, post, wire, casing, or any other structure or contrivance, or any part thereof, on, in or over any building, street or place of public resort, or on or over any land, and includes sky-sign, poster, directional sign and nameboard but does not include an election advertisement;

"Council" means the Municipal Council of Province Wellesley;

"Court" means a Magistrate's Court;

"directional sign " means a display in any manner, the registered trade mark or the nature of the trade, business or profession of any person, firm, corporation or organisation and intended to point the way to premises where a nameboard would not be visible from the street;

"election advertisement" has the same meaning as in the Local Government (Election Advertisement) (Municipal Council of Province Wellesley) By-Laws 1990; *Pg.P.U.7/90.*

"licence" means a licence to exhibit an advertisement issued under By-Laws 8;

"licence fee" means the licence fee payable under By-Laws 10;

"nameboard" means any board, or surface on the outer wall of a building or any sign attached to a building relating wholly to business being carried out or to goods sold or to services provided, together with the name and qualifications of the person carrying on the business, or selling the goods, or supplying the services;

"poster" means an advertisement which is not of a permanent commercial nature and measuring not more than 60 centimetre by 90 centimetre;

"poster stand" means a stand provided by the Council for display of posters;

Act 117. "registered architect" means a person registered as such under the Architect Act 1967;

Act 138. "registered civil engineer" or "registered structural engineer" means a person registered as such under the Registration of Engineers Act 1967;

"unipole tower" means a single board or two or more boards joined at an angle erected on any land with the support of a single pole and used for the display of advertisements.

(2) In these By-Laws, reference to the person exhibiting an advertisement shall be construed as a reference to the person, who by himself or by his servant or agent, exhibits or causes to be exhibited such advertisement and shall be deemed to include—

*(a)* the owner or occupier of the land, on which the advertisement is exhibited; and

*(b)* any person, firm, corporation or organisation in respect of whose goods, trade, business, profession, events or other concerns, publicity is given by the advertisement.

**Language of advertisement.**

3. (1) Bahasa Malaysia shall be used for all advertisements whether by itself or together with any other language.

(2) Where Bahasa Malaysia is used together with any other language in an advertisement, the words in Bahasa Malaysia shall be bigger in size and be given more prominence in visual emphasis and position than the words in such other language.

(3) No person shall exhibit or cause or permit to be exhibited any advertisement that does not comply with paragraphs (1) and (2).

Act 197. Act 125. Act 335. (4) Notwithstanding paragraph (3), if the name of a firm, company or society, as registered under the Registration of Business Act 1956, the Companies Act 1965, or the Societies Act 1966, consists of or includes words that are not in Bahasa Malaysia, such words need not comply with paragraphs (1) and (2).

Act 175. (5) Where a product is registered pursuant to the Trade Marks Act 1976 under a name in the English language or other language, the name of the product need not be translated into Bahasa Malaysia if the Council considers it impracticable or undesirable to do so.

(6) Paragraphs (1) and (2) shall not apply to any business consisting solely of the exercise of any profession which under the provisions of any written law can be exercised only by those who possess certain qualifications prescribed by such written law and whose names are registered or otherwise recorded in a manner prescribed by any written law.

4. Where it appears to the Council that there has been an incorrect use of Bahasa Malaysia in any advertisement, the Council may by notice in writing order the person who has exhibited the advertisement, or who has caused or permitted the advertisement to be exhibited, to alter the advertisement so as to correct the error in such manner and within such time as the Council may specify in the notice. Correct use of Bahasa Malaysia.

5. Subject to By-Laws 18, no person shall exhibit or cause to be exhibited any advertisement except under and in accordance with a licence issued by the Council. Licensing of advertisement.

6. Where the Council approves the retention of any advertisement which has been exhibited without a licence, a fee equal to three times the annual licence fee for such advertisement shall be payable in respect of the licence when it is approved. Advertisement exhibited without licence.

7. (1) An application for a licence to exhibit an advertisement shall be made to the Council in a prescribed form and shall be accompanied with— Application for a licence.

*(a)* two copies of a sketch showing full details of the advertisement;

*(b)* where required, a site or location plan showing the location of the advertisement;

*(c)* where required, a plan of the structure to be erected for the purpose of exhibiting the advertisement together with a certificate of a registered architect or a registered structural engineer certifying that the structure will be sound for the period for which the advertisement is expected to be exhibited; and

*(d)* a letter of authority from the land/building owner if not self-owned.

(2) Where an advertisement is to be affixed to a building, the Council may, in addition to the requirements under paragraph (1), require the applicant to submit a written assessment by a registered civil engineer or structural engineer as to the structural stability of the building or that part of the building to which the advertisement is to affixed.

(3) The Council may require an applicant to deposit with it such sum not exceeding three thousand ringgit.

(4) Unless the deposit or any part thereof is used to defray the expenses incurred under By-Laws 16(3), such deposit or the balance thereof shall be refunded to the applicant at the expiry of the licence and after the removal of the advertisement.

8. (1) On receipt of the application, the Council may, upon payment of the licence fee and such deposit as may be required, issue to the applicant a licence to exhibit an advertisement. Issuance of licence.

(2) The Council may attach to any licence issued under paragraph (1) such terms and conditions as it may think fit to impose.

(3) The licensee shall comply with all the terms and conditions attached to the licence.

(4) A licence shall be valid for a period not exceeding thirty six months.

(5) The Council may refuse to issue a licence without assigning any reason thereto.

Renewal of licence.

9. (1) A licence may from time to time be renewed on payment of the licence fee and on sch renewal, the Council may impose such conditions or restrictions as the Council may think fit.

(2) An application for the renewal of a licence shall be submitted before the date of expiry of the licence and shall be accompanied with the licence fee.

(3) The Council may refuse to renew a licence without assigning any reason thereto.

Licence fee.

10. The licence fee to exhibit any advertisement shall be as prescribed by the Council in the Schedule.

Revocation of licence.

11. (1) The Council may revoke any licence without assigning any reason for such revocation, provided that before revoking the licence the Council shall give one month's notice in writing of it's intention to the licencee.

(2) Where a licence is revoked, the person exhibiting the advertisement shall remove the advertisement to which the licence relates within fourteen days from the date of revocation.

(3) Compensation shall not be payable to any person upon the revocation of a licence.

Refund of deposit.

12. Subject to By-Laws 16(3) the deposit under By-Laws 7(3) shall be refunded to the person exhibiting the advertisement after the expiry or cancellation of his licence and the removal of the advertisement.

Heights and projections of advertisement etc.

13. (1) An advertisement shall not, up to the height of 4.26 metres measured vertically from the streetway project horizontally beyond one metre of the line of boundary of the street.

(2) An advertisement above 4.26 metres in height shall not project horizontally beyond two metres of the line of the boundary of the street.

(3) An advertisement shall not substantially obscure or obstruct any window or fume-exhaust place on the outer wall of a building.

(4) No advertisement shall be exhibited below a height of 3.66 metres measured vertically from the streetway and no advertisement shall project more than 0.76 metre from the wall on which such advertisement is to be affixed.

(5) Notwithstanding paragraph (1) and (2), the Council may impose such conditions or restrictions as the Council may think fit.

14. (1) Any structure, together with any fixtures to a building or part of a building or on land, erected for the purpose of displaying any advertisement shall be certified to be structurally sound by a registered civil engineer or structural engineer for the period of the licence and if required by the Council, such certification shall include the structural stability of the unipole tower, the building or part of the building supporting the advertisement. Safety of advertisement structures.

(2) Any plans submitted under these By-Laws shall comply with the requirements of any building By-Laws for the time being in force.

(3) The Council may in any particular case exempt the applicant from the requirement of paragraph (1).

15. (1) The Council may by notice in writing order the person exhibiting any advertisement to repaint, replace or clean the advertisement within such time as may be specified in the notice. Maintenance of advertisements.

(2) Where the colours of any illuminated advertisement are likely to cause confusion or annoyance to the public when the advertisement is illuminated, the Council may by notice in writing order the person exhibiting the advertisement to change the colours at his own cost and expenses within such time as may be specified in the notice.

16. (1) The Council may order the immediate removal or erasure of any advertisement including any structure erected specially for the advertisement, exhibited without a licence or in contravention of any provision of these By-Laws, or if the exhibition of advertisement is to promote an illegal trade, business or industry. Removal of advertisements.

(2) The order shall require the person to whom it is directed to execute the works within a duration to be specified in such order.

(3) Where the person fails to comply with the order, the Council through it's servants, officers and agents may enter the premise and cause the removal of the advertisement and the expenses thereby incurred by the Council shall be recoverable from the person in default by deducting such expenses from any money due to that person under By-Laws 12, or where no deposit has been deposited with the Council, in accordance with any law relating to the recovery of costs.

(4) The Council may, for the purpose of repairing, repainting or cleaning any place or structure, remove an advertisement, even though the licence for such advertisement is still valid and no refund shall be made to the licencee in respect of such licence.

(5) The Council shall not be held responsible for any damage done by its servants, officers and agents in the course of carrying out the provisions of this By-Laws.

17. Any person who contravenes, or fails to comply with, any provision of these By-Laws or any notice or order of the Council, shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both. General penalty.

Exemption from licence.

18. (1) No licence shall be required for—

(a) a single advertisement being less than 2 square metres in area, advertising a sale or letting of land or house where the single advertisement is exhibited on the land or property for sale or to let; provided that this clause shall not apply to advertisements exhibited by persons engaged in the business of selling or letting of land or houses;

(b) a building or civil engineering contractor's nameboard not exceeding four square metres in area where the nameboard is erected on the property upon which any building or civil engineering work is being carried out; provided that not more than one such nameboard shall be exhibited in respect of any one project;

(c) any sub-contractor's nameboard not exceeding two square metres in area erected in connection with any building or civil engineering project; provided that not more than one nameboard shall be exhibited in respect of any one project which nameboard shall not bear any pictorial matter;

(d) one directional sign not exceeding 0.3 square metre bearing the name of the person or firm, corporation or organisation, erected on a site approved by the Council.

(2) Notwithstanding that no licence is required for any advertisement under this By-Laws such advertisement shall be exhibited in accordance with By-Laws 3, 13 and 14.

Applicants for licences responsible for failure.

19. (1) The responsibility for the collapse or failure of any structure or fixture connected with the displaying of advertisement whether in the course of construction or after its completion, shall *prima facie* lie with the person or persons who submitted the application for the licence.

(2) Notwithstanding that an advertisement has been approved by the Council or that the Council has exempted the applicant from By-Laws 14(1), the Council shall not be liable for any damage done to any person by the collapse or failure of the structure or fixture for the advertisement.

Damage.

20. The Council shall not be liable for any damage caused by it or its servants in carrying out the provisions of these By-Laws.

Exemption.

21. (1) The Council may conditionally or unconditionally, exempt any person from any provision of these By-Laws.

(2) Nothing in these By-Laws shall apply to any advertisement for the purpose of community meeting, political activity, seminar and other related activities deemed suitable.

(3) Notwithstanding By-Laws 21(2), any such advertisement shall be removed by the person, body or organisation putting up such advertisement within a period of seven days after the meeting, political activity, seminar or other related activities.

(4) If such person, body or organisation fails to remove the advertisement within the time specified, the Council through it's servants, officers and agents may enter the premise and cause the removal of such advertisement and the expenses incurred for the removal thereof shall be recoverable from such person, body or organisation.

22. Notwithstanding the provisions of these By-Laws, except for By-Laws 5, these By-Laws shall not apply to any advertisement exhibited at the date when these By-Laws came into operation until the expiration of twenty-four months or such other extended period of time as may be determined by the Council. Saving.

23. (1) Kerajaan Tempatan Seberang Perai Control of Advertisements, By-Laws, 1975 and Second Schedule (D) under the Leading of Trades and Business of Municipal Council of Province Wellesley Licence Fees By-Laws 1980. Repeal. *Pg. P.U. 37/75. Pg. P.U. 14/81.*

(2) Any licence issued under the repealed By-Laws shall continue to be in force until the expiry thereof or revoked by the Council.

## SCHEDULE

[By-Laws 8(1), 9(2) and 10]

LICENCE FEES

| *Item* | *Type of Advertisement* | *Fee Payable* | | |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Unilluminated Advertisement: Measured over the area for the display of the advertisement and include such superficial area of framework or support | *(a)* | For the first square meter or part thereof | RM70.00 per annum |
| | | *(b)* | For every additional square meter or part thereof | RM7.00 per annum |
| 2. | Illuminated Advertisement: Measured over the area for the display of the advertisement and includes such superficial area of framework of support | *(a)* | For the first two square meters | RM50.00 per annum |
| | | *(b)* | For every additional square meter or part thereof | RM5.00 per annum |
| 3. | Small Advertisement: Advertisement not exceeding one square meter in size and intended to be exhibited in excess of one advertisement of the same design, illuminated or unilluminated excluding temporary advertisement. | | | RM80.00 per unit per annum |
| 4. | An advertisement projecting more than fifteen centimeters beyond the building measured over the whole area of the advertisement including frame work and where the exhibition is on both sides of the advertisement shall be measured | *(a)* | Unilluminated: (i) For the first two square meters per advertisement | RM60.00 per annum |
| | | | (ii) For every additional square meter or part thereof per advertisement | RM40.00 per annum |
| | | *(b)* | Illuminated: (i) For the first two square meters per advertisement | RM50.00 per annum |
| | | | (ii) For every additional square meter or part thereof per advertisement | RM20.00 per annum |

| Item | Type of Advertisement | | Fee Payable | |
|---|---|---|---|---|
| 5. | Sky-Sign/Unipole Measured over the area of the space used for the display of the sky-sign/ unipole | (a) | For the first two square meters per advertisement | RM500.00 per annum |
| | | (b) | For every additional square meter or part thereof per advertisement | RM30.00 per annum |
| 6. | Temporary Advertisement | | | |
| | (a) Streamers | | | RM20.00 per unit per month |
| | (b) Banner | | | RM20.00 per unit per month |
| | (c) Blimp/Ballon | | | RM50.00 per unit per month |
| | (d) Temporary Billboard | | For area not exceeding 10 square meters | RM50.00 per unit per month |
| | (e) Any other temporary advertisement not included in these By-Laws | | | RM50.00 per unit per month |
| 7. | Billboard: Measured over the area for the display of commercial advertisement | (a) | For the first two square meters per advertisement | RM200.00 per annum |
| | | (b) | For every additional square meter or part thereof per advertisement | RM30.00 per annum |

Made this 23rd day of October 2000.
[MPSP/99/1/4/24/1.]

ISMAIL BIN MAMAT,
*President,*
*Municipal Council of Province Wellesley*

Confirmed this 7th day of December 2000.
[PSUK/PP/004.5.4.1; R.50/8/28/1.]

NG WEE KOK,
*Clerk of Council,*
*State Executive Council*
*Penang*

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
(Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA
PNMB